

## KOMITED TERHADAP KERJASAMA, PERTUKARAN ANTARABANGSA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 1 November. - Republik Rakyat China bersedia bekerjasama dengan semua negara yang komited terhadap penggunaan angkasa lepas secara aman, termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) dan negara-negara ASEAN yang lain, untuk menjalankan lebih banyak kerjasama dan pertukaran antarabangsa.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Puan Yang Terutama Yu Hong menjelaskan bahawa Republik

Rakyat China menghargai persahabatan antara kedua-dua negara dan berharap untuk terus mengukuhkan kerjasama dua hala, termasuk meningkatkan pertukaran antara pelajar-pelajar muda.

"China juga bersedia bekerjasama dengan NBD dan negara-negara ASEAN lain untuk mempromosikan keamanan dan pembangunan dunia," ujar Puan Yang Terutama semasa ASEAN Students Talk with Taikonauts yang diadakan di Sekolah Penerbangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei



**YANG** Berhormat Menteri Pendidikan menerima cenderahati daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar atas, ASEAN Students Talk with Taikonauts yang diadakan di Sekolah Penerbangan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei.

(IBTE), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada sesi perbincangan itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

ASEAN Students Talk with Taikonauts anjuran ASEAN-China Center, the World Affairs Press and the China Manned Space Office, hari ini, turut dihadiri oleh penuntut-penuntut terdiri daripada IBTE, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB). Acara tersebut turut dihadiri oleh penuntut-penuntut

dari Negara-negara Anggota ASEAN yang lain secara maya.

Para penuntut berpeluang mengadakan perbincangan serta menyertai sesi soal jawab bersama tiga anak kapal yang sedang dalam perjalanan rasmi di Stesen Angkasa Tiangong China iaitu Chen Dong, Liu Yang dan Cai Xuzhe.

Stesen Angkasa Lepas Tiangong atau Heavenly Palace ialah stesen angkasa tetap baharu China. China sebelum ini telah melancarkan dua stesen angkasa percubaan sementara, dinamakan sebagai Tiangong-1 dan Tiangong-2.

Pada majlis itu, Puan Yang

Terutama Yu Hong juga menyampaikan cenderahati berupa model Stesen Angkasa Lepas Tiangong kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Naib Canselor UBD, Rektor UNISSA, Pemangku Naib Canselor UTB, Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Pengarah Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan dan Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan para pensyarah.